

Jom Bina Terarium Lumut Mini Di Rumah

written by Saarani Vengadesen | 25/02/2021

Jom kita kenali, apakah lumut? Lumut (*moss*) sering ditemui di tempat yang lembap dan terlindung dari sinaran matahari. Bagi negara yang beriklim [hutan hujan tropika](#) seperti di Malaysia, lumut amat mudah ditemui. Lumut adalah tidak mempunyai biji benih dan membiak melalui spora. Ia seringkali ditemui di tempat yang lembap dan teduh.

Terdapat lebih daripada 10,000 spesies yang telah ditemui di seluruh dunia. Lumut turut dikenali sebagai *bryophytes*. Ia biasanya mempunyai ukuran yang kecil dan bersifat primitif kerana tidak mempunyai sistem bervaskular yang kompleks seperti tumbuh-tumbuhan. Dengan kata lain, lumut tidak mempunyai batang, akar dan daun sebenar. Oleh yang demikian, lumut tidak dapat tumbuh tinggi.

Lazimnya, lumut kelihatan seperti hamparan pada batu-batu besar atau dahan-dahan pokok. Terdapat pelbagai warna lumut yang dapat ditemui di negara kita. Ada yang berwarna hijau, merah, oren, hitam atau coklat. Kepelbagaian warna lumut ini amat sesuai dijadikan perhiasan di dalam rumah dan sekitar kawasan kediaman.

Sebenarnya, anda juga boleh menanam lumut di rumah anda secara kecil-kecilan. Ia dikenali sebagai Terarium Lumut Mini. Pembuatan Terarium Lumut Mini tidak memerlukan kos yang tinggi malah senang untuk diuruskan.

Jom bina Terrarium Lumut Mini anda sendiri. Ia boleh dijadikan sebagai hiasan dalaman yang unik dan memberikan sumber oksigen dalam rumah. Selamat mencuba.

Cara Membuat Terarium Lumut

Pada asasnya, terarium adalah bekas yang jernih dan mempunyai ekosistemnya yang tersendiri. Apa sahaja boleh digunakan sebagai bekas terarium - akuarium lama, botol soda, kendi kaca, malah botol-botol plastik yang mungkin ada di rumah anda. Yang penting, anda boleh melihat lumut-lumut hiasan anda melalui bekas tersebut.

Berbanding dengan pasu yang lazim digunakan, terrarium merupakan bekas yang tidak mempunyai lubang di tapak atau dasarnya. Jadi, untuk mengelakkan air bertakung di dalam bekas, perkara pertama yang harus anda lakukan semasa membuat terarium lumut mini adalah meletakkan satu lapisan [kerikil](#) setinggi satu inci (2.5 cm) pada bahagian bawah bekas anda. Di atasnya, anda boleh letakkan lapisan lumut kering atau *sphagnum*. Jika lumut kering sukar ditemui, masukkan sahaja rumput kering atau sabut kelapa bagi mewujudkan lapisan berongga antara kerikil dengan tanah. Lapisan ini juga akan membuat tanah anda tidak bercampur dengan kerikil dan mengelakkan pemendakan lumpur di dasar terrarium. Di atas lapisan berongga tersebut, letakkan tanah kebun setebal beberapa inci. Anda boleh mengukir pada tanah dalam terrarium atau menyusun batu hiasan yang kecil mengikut daya kreativiti anda.

Akhirnya, tanam lumut pilihan anda dalam tanah kebun tadi. Anda boleh mendapatkan lumut di kedai menjual anak pokok atau anda boleh mengutipnya pada dahan-dahan kayu, di tepi sungai atau di kebun. Sekiranya bukaan Terarium Lumut Mini anda kecil, anda mungkin memerlukan sudu atau sudip kayu panjang untuk menanam lumut-lumut ini. Lumut juga tidak memerlukan cahaya matahari, Oleh itu letakkan ia di tempat yang redup dan lembap. Penjagaan lumut terarium sangat mudah. Seseekali, semburkan anda dengan air, tetapi jangan

biarkan air bertakung. Sekiranya anda dapat melihat pemeluwapan di bahagian sisi, maka sudah cukup lembap.


Selamat mencuba!

Tips penjagaan

- Letakkan Terarium Lumut Mini di sekitar tempat yang sejuk dan kering dengan peredaran udara yang baik.
- Basuh tangan dengan sabun dan keringkan dengan bersih sebelum dan selepas menyentuh lumut.
- Bersihkan habuk permukaan terrarium dengan kain kering.
- Hindari dari mendedahkan lumut kepada cahaya matahari secara langsung.
- Elakkan dari mendedahkan lumut kepada suhu yang melampau melebihi 40°C atau persekitaran yang beku.



Perhatikan kepelbagaian lumut di sekitar rumah anda



Pilih bekas yang lutsinar untuk terrarium lumut anda




Potong bekas jika perlu dan isikan dengan batu kerikil dan rumput kering



Masukkan tanah kebun. Kemudian tanam lumut dan tanaman kecil pilihan anda



Contoh terrarium lumut yang telah siap. Anda boleh menghiasnya dengan batu-batu, hiasan tembikar atau kayu yang kecil.



Panduan susun atur batu kecil, *Spaghnum*, rumput kering, atau sabut, tanah kebun dan lumut